



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Waspada jebak urus niaga dalam talian

Keputusan tegas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) untuk mengenakan hukuman serta-merta terhadap mana-mana syarikat atau individu yang didapati tidak memiliki lesen sah dan cuba menipu ketika menjalankan urus niaga dalam talian pastinya melegakan khalayak, terutama golongan pengguna.

Menurut Menteri Datuk Seri Hasan Malek, pihak kementerian tidak akan lagi memberi amaran mahupun memaafkan perbuatan seperti itu.

Langkah tegas ini juga dikatakan berpunca daripada peningkatan aduan daripada pengguna berkaitan salah laku dalam perniagaan terbabit. Kes yang dilaporkan seperti yang direkod Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan e-aduan KPDNKK turut meningkat, sekali gus membuktikan masalah itu serius iaitu semakin ramai pengguna menjadi mangsa penipuan sindiket atas talian.

Mengikut rekod, kes penipuan urus niaga atas talian meningkat secara mendadak. Tahun lalu sebanyak 1,891 kes dilaporkan membabitkan kerugian RM6.2 juta iaitu bertambah 140 kes berbanding 1,751 kes pada 2012.

Malah KPDNKK menerusi e-aduan turut mencatatkan peningkatan kes pada tahun lalu 706 kes berbanding 212 kes pada 2012 dan dilaporkan kebanyakan mangsa penipuan itu membabitkan mangsa berusia antara 18 tahun hingga 25 tahun iaitu golongan belia, menetap di bandar, terlalu sibuk dan berkerjaya. Antara jenis penipuan terbanyak membabitkan barang elektronik dan juga telefon bimbit.

Statistik tuntutan transaksi pembelian dalam talian difailkan di TTPM pada 2011 hingga 2013 pula menunjukkan sebanyak 27 kes pembelian telefon membabitkan kerugian sebanyak RM21,586 dalam tempoh itu.

Hakikatnya jelas ada pihak yang mengambil kesempatan dan menipu pengguna, terutama golongan belia yang terlalu sibuk untuk pergi membeli terus daripada penjual. Ini menyebabkan sindiket penipuan mula tumbuh bagai cendawan selepas hujan dan meraih keuntungan besar dalam tempoh masa yang singkat.

Walaupun undang-undang sudah jelas, namun kegiatan itu ha-



SEMAK dengan SSM untuk mengetahui status syarikat penjual.

nya dapat ditangani mahupun dicegah andai individu yang ditipu segera membuat aduan dan mengemukakan bukti kepada KPDNKK menerusi e-aduan mahupun TTPM bagi membolehkan siasatan dapat dilakukan.

Mereka yang melakukan kesalahan itu boleh disiasat mengikut Seksyen 12 (1) (a) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 2001) yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Justeru, sebagai pengguna gunakanlah hak dan kebijaksanaan sebelum mungkin sebelum memulakan urus niaga atas talian, termasuk menyemak latar belakang syarikat dan perniagaan terbabit.

Semak dengan SSM

Kita boleh mengesahkan alamat perniagaan mahupun nombor lesen perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ringkasnya semak terlebih dulu status syarikat sama ada sudah berdaftar dengan SSM atau tidak.

Pengguna juga boleh mengambil sedikit masa dengan menyemak maklum balas ataupun testimoni pembeli sebelum ini untuk melihat tahap kebolehpercayaan perniagaan terbabit.

Kita perlu juga memilih laman web yang betul-betul meyakinkan dan dipercayai. Transaksi perlu dibuat melalui laman web yang selamat selain mengambil kira kos sampingan seperti kos penghantaran yang kebiasaannya mahal.

Kita wajar membaca dan memahami semua terma dan syarat urus niaga misalnya sama ada boleh memulangkan barang jika tidak berpuas hati atau produk berbeza dihantar ke rumah.

Hal ini cukup penting kerana kebanyakan pengguna hanya menyedari tertipu apabila menerima

bungkusan yang dihantar kepada mereka seperti kes pembelian telefon bimbit tetapi menerima lesung batu.

Kita juga wajar memberi perhatian kepada kaedah pembayaran yang disyaratkan oleh penjual iaitu elak da-

ripada menandatangani wang ke akaun yang pemegang akaun lain daripada nama penjual dan akhir sekali pastikan kita menyimpan semua bukti pembayaran dan pembelian seperti resit. Ia perlu disimpan sehingga produk yang dibeli sampai kepada kita seperti yang ditampah.

Apapun keputusan kita, tiada sebarang paksaan untuk kita melakukan urus niaga atas talian, apatah lagi membeli sesuatu daripada mana-mana individu mahupun syarikat yang kita tidak kenali.

Maka buatlah sedikit kerja rumah dan kajian mahupun siasatan secara teliti sebelum memulakan urus niaga itu. Elakkan diri daripada menjadi mangsa sindiket penipuan. Andai kita berhati-hati dan teliti pasti dapat elak diri daripada terperangkap dalam kes penipuan seumpama itu.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA
Tahun lalu sebanyak 1,891 kes dilaporkan membabitkan kerugian RM6.2 juta